

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

2,417 kes baharu, lima lagi kematian dicatat kelmarin

4,598,391 kes dilaporkan setakat ini di Malaysia

Oleh Rafidah Mat Buzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Lima lagi kematian akibat COVID-19 direkodkan setakat kelmarin, termasuk dua kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Laman sesawang GitHub Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan, dua kematian iaitu kes BID dilaporkan di Pulau Pinang dan masing-masing satu kematian di Johor, Perak serta Selangor.

Sementara itu, sebanyak 2,417 kes positif baharu COVID-19 dilaporkan kelmarin, dengan 2,413 adalah penularan tempatan dan empat kes import.

Ini menyumbang kepada sejumlah 4,598,391 kes yang dilaporkan setakat ini di Malaysia.

Sebanyak 2,536 kes sembuh daripada jangkitan COVID-19 juga dilaporkan kelmarin, menjadikan sejumlah 4,526,817 kes sudah


pulihan daripada wabak itu setakat ini.

Selain itu, sebanyak 35,758 kes aktif direkodkan.

34,526 isolasi di rumah

Seramai 34,526 pesakit menjalani isolasi di rumah masing-masing, sebanyak 1,164 kes dirawat di hospital dan 20 kes menjalani rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

Seramai 23 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) tetapi tidak memerlukan bantuan pernafasan, manakala sejumlah 25 lagi memerlukan alat



bantuan pernafasan.

Selain itu, seramai 16,155,411 daripada populasi negara sudah mengambil dos penggalak

pertama masing-masing, manakala seramai 167,242 sudah mengambil dos penggalak kedua.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

DOS PENGGALAK COVID-19***Sebanyak 5%
penjawat awam
belum disuntik***

Jasin: Sekurang-kurangnya lima peratus penjawat awam di negeri itu belum menerima suntikan dos penggalak vaksin Covid-19 sehingga kini.

Golongan itu antara 14 peratus bersamaan 10,000 penduduk di negeri itu yang dikesan masih enggan mendapatkan suntikan terbabit sehingga kini.

Exco Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, meskipun jumlah penjawat awam berkenaan rendah, tapi langkah untuk menggalakkan golongan terbabit untuk mendapatkan suntikan vaksin itu tetap dilaksanakan, termasuk menasihati mereka menerusi ketua jabatan tempat mereka bekerja.

Katanya, pihaknya menerusi Jabatan Kesihatan negeri (JKN) sudah mengemukakan senarai nama penjawat awam berkenaan kepada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) untuk tindakan seterusnya.

Katanya, usaha itu bukan untuk memaksa mereka untuk mengambil suntikan itu, tetapi lebih kepada langkah pencegahan supaya wabak itu tidak terus menular.

"JKN sudah mengenal pasti individu di peringkat agensi kerajaan dan peratusannya amat kecil, tidak sampai lima peratus (penjawat awam) yang enggan mengambil dos penggalak.

"Kita sudah ada senarai nama individu yang dah lengkap dua dos, tetapi tidak mengambil suntikan dos penggalak dan sudah pun diserahkan kepada pihak SUK untuk mengatur serta menasihati mereka," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Lipat Kajang, Merlimau di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Merlimau, berkata, pihaknya turut mengesan pekerja swasta yang masih belum mendapatkan suntikan dos penggalak.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Buat saringan Covid-19 sebelum kembali bekerja

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PETALING JAYA - Golongan pekerja disarankan untuk menjalani ujian saringan Covid-19 sendiri sebelum kembali bekerja dalam usaha mengurangkan risiko peningkatan kes selepas pulang beraya di kampung.

Pakar Kesihatan Awam dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Malina Osman berkata, nasihat oleh Kementerian Kesihatan (KKM) itu juga masih terpakai sehingga kini sekali gus disyorkan terutama kepada individu terdedah dengan risiko Covid-19.

"Sebagai contoh dalam program pelaksanaan korban, ada yang tidak memakai pelitup muka selain interaksi sosial dengan orang ramai. Jadi memang elok ujian saringan Covid-19 ini untuk memastikan mereka benar-benar sihat sebelum bekerja.

"Jika bergejala, dapatkan rawatan segera dan pastikan juga kita mendapatkan dos penggalak," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, Dr. Malina berkata, pemerhatian beliau mendapati boleh dikatakan majoriti orang ramai kini tidak memakai pelitup muka terutama di dalam kawasan tempat tertutup.

"Misalnya daripada 10 orang, dalam dua atau tiga orang sahaja memakai pelitup muka. Justeru saya nasihat supaya kekalkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengelakkan penularan Covid-19.

"Kita tidak pasti berapa bulan akan datang, bagaimana corak jangkitan itu. Walaupun sudah banyak kelonggaran, kita perlu menunggu setahun atau dua tahun lagi untuk pulih daripada keadaan tersebut," jelasnya.

Tegasnya, bagi mengelakkan



ORANG ramai yang baru pulang daripada bercuti sempena Aidiladha digalakkan untuk membuat ujian saringan sendiri.

- GAMBAR HIASAN

lonjakan kes terlalu tinggi sehingga menjejaskan sistem perkhidmatan kesihatan negara, rakyat Malaysia perlu berwaspada.

"Bukanlah KKM atau pihak terlibat kawalan Covid-19 mahu menyusahkan tetapi kita berjaga-jaga tidak mahu situasi sama ketika varian Delta melanda negara. Kita tidak mahu jangkitan kes teruk sehingga menjejaskan sistem perkhidmatan kesihatan.

"Sehubungan itu, perkara berkenaan perlu diberi perhatian dan ambil tanggungjawab patuhi SOP untuk menjaga masyarakat dan negara ini," katanya.

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dipetik berkata, KKM menjangkakan jumlah jangkitan baharu akan meningkat di negara ini susulan daripada varian Omicron BA.4 dan BA.5 yang paling mudah merebak setakat ini dan lebih mudah menjangkiti.

AKHBAR : NEW STAITTS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

PANDEMIC UPDATE

2,417 new Covid cases on Monday, lowest in a week

KUALA LUMPUR: Malaysia reported 2,417 new Covid-19 cases on Monday, the lowest daily figure in the past seven days.

Of the number, 884 were reported in Selangor, 642 in Kuala Lumpur, 166 in Perak, 164 in Sabah, 138 in Negri Sembilan, 112 in Penang, 66 in Melaka, 59 in Johor, 41 in Kedah, 37 in Putrajaya, 30 in Sarawak, 28 each in Kelantan and Pahang, 15 in Terengganu, six in Labuan and one in Perlis.

Four cases were imported and the rest were local transmissions.

This brought the cumulative total of Covid-19 infections in the country to 4,598,391.

A total of 35,816 patients have died of Covid-19 and active case stand at 35,758.

On Monday, 2,536 recoveries and five deaths were reported, including two brought-in-dead cases in Penang.

On Monday, 404 Covid-19 patients were hospitalised.

Up to Monday, 18.2 per cent of normal Covid-19 hospital beds, 11.7 per cent of Intensive Care



People wearing face masks as they shop at a supermarket in Kuala Terengganu yesterday. PIC BY GHAZALI KORI

Unit (ICU) beds and 20.6 per cent of quarantine and treatment centre beds were used.

A total of 34,526 patients were in home quarantine, 1,164 were in hospital, 48 were in ICU and 20 were in quarantine centres.

Of the ICU patients, 25 were on ventilator support.

Meanwhile, 16,110,196 adults, or 68.5 per cent of the age group, had received a Covid-19 booster dose.

Data on the Health Ministry's CovidNow website showed that 99.1 per cent of adults (23,310,259 people) had received the first dose of vaccine and 97.9 per cent (23,032,318 people) had completed their primary vaccination.

On Monday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob urged some seven million people who had yet to receive Covid-19 booster shots to do so soon as infections were surging.

He said although booster shots were not compulsory, obtaining

them would ensure better protection against Covid-19.

Last week, the Health Ministry advised those aged 60 and above and those with health issues to get a second booster dose due to the spread of the highly infectious Omicron BA.5 sub-variant.

Health Minister Khairy Jamaluddin had said the BA.5 sub-variant was the most transmissible Covid-19 variant to date, more transmissible than Omicron sub-variants BA.1 and BA.2.

He said the BA.5 sub-variant could infect those who had been infected by Omicron as it had immune-escaping properties.

The Klang Valley has the largest number of people who have received the booster dose, at 69.9 per cent. It is followed by Penang, at 60.9 per cent of its population.

The Melaka government said 14 per cent of the state's population, or about 10,000 people, had yet to receive a booster dose.